

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan persediaan Kementerian sekiranya vaksin dos ketiga diperlukan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*). Dianggarkan seramai 7.15 juta individu daripada kumpulan tersebut akan terlibat dalam pemberian dos ketiga vaksin nanti.

## SOALAN NO : 75

3. Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 19 September 2021, pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 dijangka akan dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2021 apabila imunisasi populasi dewasa sudah mencapai lebih daripada 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.
4. **Dos ketiga bermaksud** dos yang diberikan akibat **dari kegagalan sistem tubuh untuk membina perlindungan yang secukupnya selepas menerima vaksin lengkap. Ini boleh berlaku ke atas pesakit yang mempunyai daya tahan tubuh yang lemah (*immunocompromised*), berisiko tinggi seperti menghidapi penyakit kronik dan lain-lain. **Manakala dos penggalak (booster)** bermaksud dos lain yang perlu diberikan kepada seseorang yang sebelumnya mendapat perlindungan yang mencukupi selepas vaksinasi lengkap namun perlindungan **tersebut menurun dari masa ke semasa (waning immunity)**.**
5. Penjadualan serta agihan vaksin kepada negeri-negeri adalah berdasarkan kepada bilangan penerima di setiap negeri dari data-data sedia ada dari aplikasi My Sejahtera atau data manual. Sementara jenis vaksin yang dipersetujui akan digunakan adalah menggunakan *platform mRNA* dan *DNA* (*Pfizer* atau *Astra Zeneca*).

Sekian, terima kasih.